



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1503

AKTA PERBEKALAN 2016

Tarikh Perkenan Diraja 21 Disember 2015

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 23 Disember 2015

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1503

AKTA PERBEKALAN 2016

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2016 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan 2016.

Pengeluaran dan peruntukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2016

2. Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi satu ratus enam puluh tiga bilion empat ratus empat puluh tujuh juta tujuh ratus lima puluh enam ribu ringgit (RM163,447,756,000) daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2016 adalah dengan ini dibenarkan dan jumlah wang itu diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 1	Parlimen	131,118,000
B. 2	Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	2,132,000
B. 3	Jabatan Audit Negara	163,808,000
B. 4	Suruhanjaya Pilihan Raya	150,566,000
B. 5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	47,418,000
B. 6	Jabatan Perdana Menteri	5,984,170,800
B. 7	Jabatan Perkhidmatan Awam	2,436,566,000
B. 8	Jabatan Peguam Negara	185,427,000
B. 9	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	251,776,000
B. 10	Perbendaharaan	3,625,969,000
B. 11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	25,885,918,000
B. 12	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	1,883,800,100
B. 13	Kementerian Luar Negeri	595,085,000
B. 20	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	234,810,600
B. 21	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	3,487,900,000
B. 22	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	5,379,900,000
B. 23	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	1,008,078,000
B. 24	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	539,258,000
B. 25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	730,101,200
B. 27	Kementerian Kerja Raya	2,223,321,000
B. 28	Kementerian Pengangkutan	1,194,152,000

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 29	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	125,306,600
B. 30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	661,141,000
B. 31	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan	973,166,000
B. 32	Kementerian Wilayah Persekutuan	358,335,000
B. 40	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	16,765,000
B. 42	Kementerian Kesihatan	21,430,802,000
B. 43	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2,477,103,000
B. 45	Kementerian Belia dan Sukan	473,866,000
B. 46	Kementerian Sumber Manusia	836,128,000
B. 47	Kementerian Komunikasi dan Multimedia	1,288,425,000
B. 48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	1,873,315,000
B. 60	Kementerian Pertahanan	13,457,298,400
B. 62	Kementerian Dalam Negeri	12,251,812,300
B. 63	Kementerian Pendidikan	39,315,871,000
B. 64	Kementerian Pendidikan Tinggi	11,767,147,000
	JUMLAH	<u>163,447,756,000</u>